

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.11.2015

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan nilai wang ringgit telah mengalami kejatuhan paling teruk di seluruh Benua Asia berbanding dengan nilai wang ringgit USD, apakah langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang dilakukan oleh Kerajaan untuk menyelamatkan nilai wang ringgit Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai

ringgit sejak Akhir September 2014 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Dalam tempoh September 2014 hingga 30 Oktober 2015, nilai ringgit menyusut sebanyak 24%, terutamanya didorong oleh aliran keluar portfolio. Mata wang utama dan serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 3.2% sehingga 18.7% berbanding dolar AS dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, trend ini mula menunjukkan perubahan dan nilai ringgit menjadi kukuh sebanyak 3.3% bagi tempoh 1 Oktober sehingga 30 Oktober 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Penyusutan nilai ringgit adalah disebabkan oleh jangkaan pelabur terhadap kemungkinan kadar faedah di AS dinaikkan. Ini telah menggalakkan minat pelabur terhadap pegangan aset dalam nilai dolar AS lantas menyebabkan aliran keluar daripada pasaran negara membangun pesat berkembang. Tambahan pula, kebimbangan pelabur terhadap pertumbuhan ekonomi serantau yang dicetuskan oleh prospek pertumbuhan lebih perlahan di China telah meningkatkan aktiviti

penghindaran risiko oleh para pelabur di pasaran negara membangun pesat berkembang serta menambah tekanan terhadap mata wang serantau. Ketidaktentuan perkembangan ekonomi di Greece dan kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi China serta penurunan yuan pada bulan Ogos turut menjejaskan prestasi mata wang serantau. Mata wang negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut menerima kesan daripada kejatuhan ketara harga minyak dunia. Selain daripada itu, faktor-faktor dalam negeri turut menyebabkan kejatuhan nilai mata wang ringgit antaranya isu-isu penarafan daripada agensi penarafan antarabangsa. Dalam tempoh 1 September 2014 hingga 30 Oktober 2015, mata wang pengeksport komoditi menyusut nilai antara 15.9% (bagi Uruguay) hingga 38.5% (bagi Rusia).

3. Ekonomi Malaysia kekal kukuh walaupun dalam persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia, volitiliti pasaran kewangan serta kelembapan ekonomi serantau yang memberi kesan kepada ekonomi negara. Dalam tempoh separuh pertama 2015, ekonomi negara mencatat pertumbuhan KDNK benar 5.3% dan bagi tahun 2015 secara keseluruhannya pertumbuhan KDNK stabil dalam lingkungan

4.5% hingga 4.8% disokong oleh pengukuhan permintaan domestik, terutamanya perbelanjaan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua

4. Penunjuk ekonomi utama terkini menunjukkan prestasi yang mapan. Imbangan dagangan sejak Januari - Ogos 2015 mencatatkan RM54 bilion sementara untuk tempoh yang sama bagi tahun 2014 mencatatkan RM52 bilion. Ini menunjukkan imbangan dagangan negara berada pada paras lebihan.

Tuan Yang Dipertua,

5. Ketidaktentuan kedudukan global masa ini memerlukan tindakan lebih responsif dan tegas. Dengan mengambil kira keadaan semasa, Kerajaan mengambil langkah untuk menangani dan mengurangkan sebarang impak global kepada ekonomi sebenar negara. Antara langkah tersebut termasuk:

- a. Setakat Jun 2015, Malaysia merupakan pengeksport bersih modal, di mana pelaburan langsung di luar negara adalah berjumlah RM522 bilion berbanding pelaburan langsung asing berjumlah RM477 bilion. Bagi memastikan kestabilan pasaran kewangan, GLC dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) adalah digalakkan menzahirkan keuntungan pelaburan mereka di luar negara untuk dilaburkan di dalam negeri dalam projek yang mempunyai nilai penganda yang tinggi. Syarikat swasta Malaysia juga digesa untuk mengambil langkah yang serupa;
- b. Pengaktifan semula ValueCap dengan dana sebanyak RM20 bilion;
- c. Skim jaminan modal kerja sebanyak RM5 bilion disediakan bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perkhidmatan, dengan RM 2 bilion disediakan bagi sektor lain-lain;
- d. Pengecualian duti import akan diberi ke atas 90 baris tarif yang terdiri daripada alat ganti, bahan guna habis dan peralatan penyelidikan yang tidak dikeluarkan dalam negara, khusus untuk sektor perkilangan sehingga ekonomi global pulih. Pengecualian ini memberi manfaat kepada 900 buah syarikat pengilang yang akan menikmati penjimatan kos operasi tahunan antara RM100 ribu - RM500 ribu;
- e. Dana Pelaburan Strategik Domestik (DISF) akan diteruskan dengan

peruntukan tambahan RM1 bilion dalam tempoh RMK-11 bagi merencanakan pelaburan domestik dan asing di Malaysia;

f. Bagi sektor pelancongan, Kerajaan akan menambah peruntukan RM80 juta bagi memperhebat aktiviti promosi di pasaran terpilih seperti ASEAN, China dan India. Selain itu, pelancong dari negara China akan mendapat pengecualian visa secara berkumpulan bermula 1 Oktober 2015 sehingga 31 Mac 2016;

g. Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan agensi-agensi lain juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk membangunkan pasaran modal. Pasaran bon tempatan, contohnya, telah berkembang daripada 73.3% daripada KDNK pada tahun 2000, kepada 95.3% daripada KDNK pada suku kedua 2015. Pasaran bon Malaysia juga kini merupakan antara pasaran bon terbesar di rantau Asia, selepas Korea dan Jepun. Melalui pasaran bon dalam mata wang tempatan yang aktif ini telah membantu memastikan risiko dedahan terhadap pergerakan mata wang berada pada tahap yang minimum. Sebagai contoh, hutang Kerajaan dalam nilai mata wang asing adalah sebanyak hanya RM18.8 bilion atau 3% daripada jumlah keseluruhan hutangnya;

h. Pelaksanaan cadangan daripada Majlis Eksport Negara disegerakan;

dan

i. Menubuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) pada 20 Ogos, yang akan melapor terus kepada YAB Perdana Menteri. JKE akan mempertimbangkan perancangan serta merta dan jangka sederhana bagi mengukuhkan lagi asas ekonomi Malaysia. Ini termasuk, isu semasa seperti nilai ringgit, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan serta mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal.

Tuan Yang Dipertua,

6. Prestasi ekonomi dijangka terus berkembang dengan mapan disokong dengan inisiatif strategik yang akan dibentangkan dalam Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015.

7. Unjuran pertumbuhan pada tahun akan datang mengambil kira ketidaktentuan persekitaran luaran. Selain itu, risiko lain yang perlu diambil kira adalah penurunan harga komoditi yang berterusan, volitiliti pasaran kewangan dan penyusutan nilai mata wang ekonomi membangun yang berkembang pesat. Meskipun Malaysia terdedah dengan perkembangan luar yang tidak menentu ini, pertumbuhan bagi tahun akan

datang (2016 - 2020) dijangka dalam lingkungan 5% hingga 6% dipacu oleh permintaan domestik.